

Minggu Suai Mesra (MSM) Pelajar Asasi 2020

Pusat Persediaan Sains dan Teknologi (PPST)



Ogos 2020- Berbeza dari tahun sebelumnya, tahun ini MSM Asasi dijalankan dengan penuh saksama mengikut *Standard Operating System* (SOP) dan jadual yang telah ditetapkan oleh pihak pengurusan PPST. Negara kini masih dalam fasa pemulihan COVID-19.

Pada kali ini, pendaftaran MSM dibahagikan kepada dua fasa iaitu fasa atas talian dan fasa pendaftaran bersemuka. Pendaftaran Pelajar Atas Talian (SMP) menggunakan sistem e-Daftar. Pembayaran yuran dan biasiswa pula telah dilaksanakan dengan kerjasama pihak Jabatan Teknologi Maklumat dan Komputer (JTMK) dan Jabatan Bendahari. Bagi melancarkan proses pendaftaran, pihak PPST telah menyediakan carta alir Pendaftaran Pelajar Secara Berperingkat (PPSB) (3 Ogos – 9 Ogos 2020), termasuk penyerahan kunci bilik kolej kediaman, kad pelajar (matriks) serta infografik pelaksanaan pembelajaran secara atas talian/bersemuka sepanjang semester 1 2020/2021.

Minggu Suai Mesra (MSM) Pelajar Asasi 2020

Pusat Persediaan Sains dan Teknologi (PPST)



Minggu sebelumnya (20 Julai - 2 Ogos 2020), hebahan secara umum berkaitan dengan taklimat kepada pelajar telah diwarkkan di laman media sosial *Facebook* dengan bantuan JK Teknikal dan Multimedia. Para pentaklimat menggunakan medium penyiaran *Facebook* dan *Google Meet* bagi tujuan penerangan Program Asasi Sains.

Menariknya, PPST telah menerima pelajar antarabangsa iaitu daripada Jepun dan Brunei pada tahun 2020 ini. Pihak PPST turut mendapat kunjungan mesra daripada YBhg. Naib Canselor UMS, Prof. Dr. CHM Taufiq Yap Yun Hin, Dr. Rasid Hj. Mail, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UMS dan P.M. Dr. Raman Noordin, Timbalan Naib Canselor (Hal ehwal Pelajar dan Alumni) UMS.